

14 MAY 2001

ANUITI-PREMIUM

PREMIUM TAKAFUL NASIONAL DIJANGKA TERJEJAS EKORAN PENGGANTUNGAN SKIM ANUITI

KOTA BAHARU, 14 Mei (Bernama) -- Pungutan jumlah keseluruhan premium Takaful Nasional Sdn Bhd bagi tahun kewangan semasa dijangka terjejas ekoran langkah kerajaan menggantung sementara pelaksanaan skim insurans anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pengurus Besar Takaful Nasional Datuk Dr Kamaruddin Sharif berkata pada asalnya syarikat itu mengunjurkan pungutan premium berjumlah RM1.4 bilion bagi tahun kewangan semasa yang akan berakhir 31 Mac tahun depan.

Dr Kamaruddin berkata berikutan penggantungan sementara skim anuiti itu, pungutan premium Takaful Nasional dijangka akan mengalami kemerosotan antara 15 dan 20 peratus berbanding jangkaan awal.

Untuk tahun kewangan yang terdahulu, syarikat telah memungut premium berjumlah RM1.2 bilion, kata beliau kepada pemberita selepas majlis menandatangani Memorandum Pelaksanaan (MOI) Pelan Takaful Khairat Keluarga antara Takaful Nasional dengan Persatuan Pegawai dan Kakitangan Masjid Kelantan di sini, hari ini.

Dr Kamaruddin dan Pengurus Cawangan Takaful Nasional Kelantan Mohd Nasir Yaacob mewakili Takaful Nasional manakala Persatuan Pegawai dan Kakitangan Masjid Kelantan diwakili oleh pengerusinya Mat Jusoh Dollah dan Pengerusi ABHA Agency Sabri Muhammad.

Penggantungan sementara itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 9 Mei lepas selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Zainal Rampak.

Menurut Dr Kamaruddin, Takaful Nasional merupakan satu daripada syarikat yang dilantik bagi mengendalikan skim anuiti KWSP dan ia berjaya memungut premium berjumlah RM100 juta sebulan melalui skim tersebut.

Beliau berkata penggantungan sementara itu berlaku kerana ada pihak yang hanya memberi penekanan terhadap aspek pelaburan melalui skim tersebut dengan membelakangi aspek perlindungan (takaful) yang dinikmati oleh pesertanya.

Katanya skim anuiti yang diperkenalkan 1 Julai tahun lepas bertujuan memberi jaminan pendapatan bulanan seumur hidup seperti bayaran pencen kepada ahli KWSP yang mengambil bahagian.

Sejak skim itu diperkenalkan, Takaful Nasional berjaya memungut premium berjumlah RM1.16 billion, katanya.

Menyentuh mengenai Pelan Takaful Khairat Keluarga, beliau berkata pihaknya sedang menjalankan pelbagai aktiviti penerangan di seluruh negara bagi menarik lebih ramai umat Islam menyertai pelan itu.

Dengan sumbangan tahunan yang begitu minimum iaitu RM15 sahaja, peserta atau pasangan dan tiga anak mereka dapat menikmati beberapa keistimewaan.

Dr Kamaruddin berkata, hasil sambutan hangat terhadap pelan berkenaan, Takaful Nasional cawangan Kota Baharu menjangka dapat memungut premium melebihi RM100,000 bagi tahun kewangan sekarang.

-BERNAMA

SM RAR AA